



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN  
UK-SEA SMALL SCALE RESEARCH  
PARTNERSHIPS CALL FOR PROPOSALS 2016  
PROGRAM NEWTON-UNGKU OMAR FUND  
(UK-SEA-NUOF)**

**- PERMOHONAN -**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA.  
No. Tel: 03-8870 6973 / 6975  
No. Faks: 03-8870 6867**

## KANDUNGAN

### **BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)**

1.1 Pembukaan Geran <i>UK-SEA Small Scale Research Partnerships Call for Proposals 2016</i> , Program <i>Newton-Ungku Omar Fund</i> (UK-SEA-NUOF)	1
1.2 Tujuan / Objektif	2
1.3 Skop Penyelidikan dan Tema	2-3
1.4 Syarat-syarat Permohonan	3-6
1.5 Peraturan Permohonan	6-7
1.6 Kriteria Penilaian	7
1.7 Peraturan Kewangan	7-10
1.8 Hasil Penyelidikan	10-11
1.9 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	11

<b>LAMPIRAN A</b>	12
<b>LAMPIRAN B</b>	13

# BAHAGIAN 1

## PERMOHONAN

### 1.1 PEMBUKAAN GERAN *UK-SEA SMALL SCALE RESEARCH PARTNERHSIPS CALL FOR PROPOSALS 2016*, PROGRAM *NEWTON –UNGKU OMAR FUND (UK-SEA-NUOF)*

Satu geran baru di bawah inisiatif *Reseach Councils United Kingdom* (RCUK) dan Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia kini dibuka kepada para penyelidik di semua Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US) dan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) untuk tahun 2016. Geran ini berbentuk skala kecil dinamakan *UK-SEA Small Scale Research Partnerships Call for Proposals (UK-SEA-NUOF) 2016*.

#### Tarikh-tarikh penting:

Pembukaan Geran	25 Mei 2016
Penutupan Geran	02 Ogos 2016
Penilaian proposal	Awal Oktober 2016
Keputusan	Akhir Oktober 2016
Geran yang berjaya dipilih dikeluarkan daripada sistem Je-S dan dihantar semula kepada <i>Council</i> yang berkaitan dengan bidang yang dipohon.	Awal November 2016
Permulaan geran penyelidikan	01 Disember 2016

Penyelidik bertanggungjawab mengenal pasti rakan kolaborasi di UK (termasuk dari Thailand, Indonesia dan Filipina, jika ada) dan menyediakan kertas cadangan bersama dengan rakan kolaborasi tersebut.

## 1.2 TUJUAN / OBJEKTIF

Geran *UK-SEA Small Scale Research Partnerships Call for Proposals 2016* di bawah Program *Newton-Ungku Omar Fund (UK-SEA-NUOF)* bertujuan meningkatkan kerjasama penyelidikan dan inovasi di antara United Kingdom dengan Malaysia.

Geran ini dibuka untuk tempoh 1-2 tahun bertujuan memberi sokongan kepada penyelidikan yang menjana pemahaman yang intuitif dan dapat memberangsang pemikiran kreatif di kalangan para penyelidik dalam menyelesaikan masalah. Justeru dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara-negara Asia Tenggara.

Melalui geran ini juga, adalah diharapkan para penyelidik di UA, US dan JPP dapat mewujudkan kelestarian kolaborasi antara dua negara UK dan negara-negara Asia Tenggara agar dapat meningkatkan persaingan dalam permohonan geran bagi pembangunan penyelidikan yang cemerlang di masa akan datang.

## 1.3 SKOP PENYELIDIKAN DAN TEMA

Pembiayaan geran UK-SEA-NUOF menumpu kepada penyelidikan yang merangkumi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Kluster yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-

- a. Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*)
- b. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- c. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- d. Sains Sosial (*Social Sciences*)
- e. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- f. Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*)
- g. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

- **TEMA**

Permohonan untuk geran UK-SEA-NUOF dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati tema yang telah ditetapkan seperti di bawah:

- Creative Economy and Cultural Heritage*
- Energy - Food – Water-Environment Nexus*
- Mental Health*
- Building STEM Education through Astronomy*
- Skills for using Large Facilities*

Maklumat lanjut sila rujuk dokumen berikut: ***UK-SEA Small Scale Research Partnerships Call for Proposals Call Specification.***

#### **1.4 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pendidikan Tinggi dengan syarat-syarat berikut:-

1.4.1 Warganegara Malaysia; dan

1.4.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah) yang adalah Ketua Penyelidik; dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama (CO-I) bertaraf tetap dari institusi yang sama; atau

1.4.3 Kakitangan akademik bertaraf kontrak yang adalah Ketua Penyelidik, dimestikan mempunyai kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun dan dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama (CO-I) warganegara Malaysia bertaraf tetap dari institusi yang sama.

1.4.4 Bagi kakitangan akademik bukan warganegara yang adalah Ketua Penyelidik, dimestikan mempunyai kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun dan dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik

bersama (CO-I) warganegara Malaysia bertaraf tetap dari institusi yang sama.

- 1.4.5 Felo Penyelidik warganegara Malaysia daripada IPTA dengan tempoh kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun adalah dibenarkan untuk memohon geran sebagai Ketua Penyelidik. Mesti mempunyai satu (1) penyelidik bersama (CO-I) warganegara Malaysia yang bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- 1.4.6 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-
  - a. Kakitangan akademik warganegara Malaysia atau bukan warganegara hanya boleh menjawat jawatan penyelidik bersama (CO-I) dan tidak boleh menjadi Ketua Penyelidik.
  - b. Bagi kakitangan akademik daripada Universiti Cawangan di Malaysia tidak boleh berkolaborasi dengan Universiti Induk di UK dengan memegang jawatan Ketua Penyelidik. Tetapi boleh menjadi penyelidik bersama (CO-I) dan mempunyai penyelidik dari IPT lain sebagai Ketua Penyelidik di Malaysia.
- 1.4.7 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 1.4.8 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan dan tempoh penyelidikan tidak melebihi dua (2) tahun.
- 1.4.9 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja pada setiap fasa dan hanya satu (1) permohonan projek sahaja yang akan diperakukan.
- 1.4.10 Kakitangan akademik yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

- 1.4.11 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 1.4.12 Permohonan dari Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) perlu mengikut syarat-syarat berikut:-
- a. Bagi permohonan dari JPP, pemohon mestilah pensyarah berjawatan tetap dan mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan lima tahun pengalaman kerja selepas lantikan; dan
  - b. Pemohon dari JPP hendaklah mengadakan kolaborasi dengan IPT bagi projek penyelidikan yang dicadangkan.

(Sila rujuk Jadual Ringkasan Kriteria dan Kelayakan Pemohon. (Lampiran A))

## 1.5 PERATURAN PERMOHONAN

1.5.1 Permohonan untuk UK-SEA-NUOF perlu merujuk kepada dokumen ***Call Specification, Application Guidance*** dan ***Official Development Assistance (ODA) Guidance*** bagi panduan mengisi permohonan.

1.5.2 Pemohon perlu mengisi borang seperti berikut:

- i. ***Case for Support;***
- ii. ***Justification of Resources;*** dan
- iii. ***MoHE Cost Proforma*** (oleh PI di Malaysia saja).

bagi tujuan permohonan.

1.5.3 Dokumen-dokumen dan borang-borang seperti di atas boleh dicapai melalui portal RCUK

<http://www.rcuk.ac.uk/international/newton/rcuk-dipi/> dan portal MyGRANTS.

- 1.5.4 Permohonan yang tidak mengemukakan semua dokumen atau lampiran yang lengkap akan mengakibatkan permohonan ditolak di peringkat saringan.
- 1.5.5 Permohonan perlu diisi oleh *Principal Investigator* (PI) di UK dengan menggunakan sistem dalam talian RCUK iaitu **Joint Electronic System (JeS)**. Permohonan yang melepasi tarikh tutup tidak akan diterima untuk penilaian.
- 1.5.6 Permohonan yang dihantar oleh PI di UK akan disaring secara bersama melalui proses *office check* oleh pihak RCUK dan panel Malaysia serta negara kolaborasi yang berkaitan (jika ada).
- 1.5.7 Permohonan yang melepasi proses *office check* akan dipanjangkan untuk penilaian bersama oleh Jawatankuasa Penilaian Bersama UK-SEA.
- 1.5.8 KPT akan mengesahkan keputusan *office check* dan akan memaklumpkannya kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti untuk tindakan.
- 1.5.9 PI di Malaysia yang berjaya dalam proses *office check* dikehendaki untuk mengisi permohonan tersebut ke dalam sistem MyGRANTS. Pengisian yang lengkap hendaklah diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing.
- 1.5.10 RCUK terdiri daripada tujuh *Research Council* yang berbeza iaitu AHRC, BBSRC, EPSRC, ESRC, NERC, MRC dan STFC. Sila ambil perhatian bahawa setiap permohonan juga perlu mengemukakan dokumen-dokumen atau lampiran-lampiran khusus yang disyaratkan oleh *Research Council* yang berkaitan.



- 1.5.11 RMC boleh merujuk Carta Aliran bagi Pengurusan Projek *UK-SEA Small Scale Research Partnerships Call for Proposals 2016* untuk proses pengurusan permohonan (Lampiran B).

## **1.6 KRITERIA PENILAIAN**

- 1.6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea / teori / konsep / kaedah / model / proses baru dan bersifat eksploratori.
- 1.6.2 Penerokaan idea penyelidikan baru yang berpotensi ke arah penjanaan transformasi.
- 1.6.3 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.
- 1.6.4 Sila rujuk *Assessment Criteria and Decision Making Process* dalam dokumen *Call Specification* bagi kriteria tambahan yang ditetapkan oleh RCUK.

## **1.7 PERATURAN KEWANGAN**

### **1.7.1 Vot 11000**

#### **Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**

- 1.7.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

### **1.7.2 Vot 21000**

#### **Perjalanan dan Pengangkutan**

- 1.7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.7.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Bersama) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
  - i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
  - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
  - iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
  - iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

### 1.7.3 **Vot 24000**

#### Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

### 1.7.4 **Vot 27000**

#### Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

### 1.7.5 **Vot 28000**

#### Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

### 1.7.6 **Vot 29000**

#### Perkhidmatan Ikhtisas

a) **Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.**

b) **Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis**  
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah

tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

#### **1.7.7 Vot 35000**

##### **Aksesori dan Peralatan**

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

### **1.8 HASIL PENYELIDIKAN**

#### **1.8.1 Bakat**

Setiap projek penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat seperti mana yang termaktub dalam PPPM(PT). Sehubungan dengan itu penghasilan bakat adalah seperti berikut:

Projek dua (2) tahun:-

- disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana.

#### **1.8.2 Penerbitan**

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks. Penghargaan kepada geran *UK-SEA Smal Scale Research Partnerships Call for*

*Proposals 2016* mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

### **1.8.3 Hak Milik Harta Intelekt**

1.8.3.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran UK-SEA-NUOF, hak milik dan pengurusan Harta Intelekt adalah menurut perjanjian persefahaman antara PI di UK dengan PI di Malaysia atau negara yang berkaitan.

### **1.8.4 Hasil Pengkomersilan**

1.8.4.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran UK-SEA-NUOF hendaklah diagihkan menurut persetujuan semua pihak dalam perjanjian persefahaman.

1.8.4.2 Untuk UA dan JPP, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada dan persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian persefahaman.

1.8.4.3 Untuk US, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak yang terdapat di dalam perjanjian persefahaman.

## **1.9 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN**

### **1.9.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Pihak Kementerian akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan UK-SEA-NUOF melalui surat rasmi kepada IPT. Tarikh buka adalah pada 25 Mei 2016 manakala tarikh tutup adalah pada 2 Ogos 2016.


## LAMPIRAN A

### Jadual Ringkasan Kriteria dan Kelayakan Pemohon bagi UK-SEA-NUOF

Bil.	Kriteria	Contoh Kes	Status	Catatan
1.	Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI UA / US	√	Dibenarkan berkolaborasi
2.	Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI Institusi Cawangan Malaysia	√	PI di Institusi Cawangan Malaysia* hanya dibenarkan menjadi CO-I.  * Nota: Bagi menyokong prinsip Kolaborasi / <i>Partnership</i> UK-SEA (Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina)
3.	Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI Nottingham Malaysia	x	Institusi yang sama di UK dan Malaysia adalah tidak dibenarkan.*
4.	Bukan Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI UA / US	√	i. PI di UA / US mesti mempunyai kontrak tidak kurang daripada satu (1) tahun. ii. Dimastikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama (CO-I) warganegara Malaysia bertaraf tetap dari institusi yang sama
5.	Bukan Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI Institusi Cawangan Malaysia	√	PI di Institusi Cawangan Malaysia* hanya dibenarkan menjadi CO-I.  * Nota: Bagi menyokong prinsip Kolaborasi / <i>Partnership</i> UK-SEA (Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina)
6.	Bukan Warganegara Malaysia	PI Nottingham UK dengan PI Nottingham Malaysia	x	Institusi yang sama di UK dan Malaysia adalah tidak dibenarkan.*

## LAMPIRAN B

### CARTA ALIRAN PROSES PENGURUSAN PROJEK KERJASAMA PENYELIDIKAN UK-SOUTHEAST ASIA SMALL SCALE RESEARCH PARTNERSHIPS CALL FOR PROPOSALS (UK-SEA-NUOF) 2016



Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA UK-SEA-NUOF  
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA.  
NO. TEL: 03-8870 6973 / 6975  
NO. FAKS: 03-8870 6867  
EMEL: [faizahs@mohe.gov.my](mailto:faizahs@mohe.gov.my), [teowooken@mohe.gov.my](mailto:teowooken@mohe.gov.my)**